

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | TH lantik 3 pengurusan kanan baharu | | |
| MediaTitle | Berita Harian | Color | Full Color |
| Date | 26 Feb 2020 | Circulation | 82,252 |
| Section | Bisnes | Readership | 246,756 |
| Page No | 51 | ArticleSize | 340 cm ² |
| Language | Malay | AdValue | RM 11,302 |
| Journalist | N/A | PR Value | RM 33,905 |
| Frequency | Daily | | |



TH lantik 3 pengurusan kanan baharu

Lembaga Tabung Haji (TH) mengumumkan tiga lantikan baharu pengurusan kanan iaitu Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Pelaburan dan Pengurus Besar Pelaburan Strategik.

Ia dalam usaha agensi berkenaan mengukuhkan lagi pentadbiran kewangan dan pelaburannya.

TH dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur; semalam, berkata Datuk Merina Abu Tahir dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) berkuat kuasa pada 5 Februari yang lalu.

Beliau adalah Akauntan Berterauliah Malaysian Institute of Accountants (MIA), Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), ASEAN Chartered Professional Accountant (ASEAN CPA), dan Institute of Internal Auditors Malaysia (IIAM).

Beliau mempunyai lebih dari 30 tahun pengalaman bekerja di pelbagai syarikat tempatan dan antarabangsa termasuk multinasional, institusi kewangan dan amalan audit.

“Pengalaman luas Merina meliputi aspek pengurusan umum, kewangan, komersial, pembangunan perniagaan, dan audit dalaman & luaran.

“Selain pernah dilantik seba-



Merina Abu Tahir



Mohamad Damshal



Muhammad Fawwaz

gai ahli Majlis Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Disember 2016 hingga November 2019, beliau juga adalah bekas Pengurus Jawatankuasa Penasihat ACCA Malaysia,” kata kenyataan itu.

Bagi mengukuhkan pengurusan pelaburan, TH juga melantik Mohamad Damshal Awang Damit sebagai Ketua Pegawai Pelaburan berkuat kuasa 20 Januari 2020.

Beliau adalah lulusan MBA dari University of Toledo, Ohio, Amerika Syarikat dan juga pemegang charter sebagai Pengalisis Kewangan Berterauliah atau Chartered Financial Analyst (CFA).

Sebelum menyertai semula TH, Mohamad Damshal adalah Ketua Pelaburan Ekuiti dan Pendapatan Tetap di Pertubuhan Keselamatan Sosial (PER-

KESO) Malaysia.

Beliau mempunyai lebih daripada 26 tahun pengalaman bekerja khususnya dalam bidang pengurusan pelaburan domestik dan luar negara, analisa kredit serta kawal selia risiko, termasuk pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif di syarikat dana pelaburan komersil.

Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di TH dari 1999 sehingga 2003 di bahagian perancangan korporat dan pernah mengetuai pengurusan portfolio pelaburan pendapatan tetap.

Bagi meningkatkan potensi pelaburan aset strategik, TH melantik Muhammad Fawwaz Aminuddin sebagai Pengurus Besar Pelaburan Strategik berkuat kuasa 11 Februari 2020.

Beliau adalah pemegang CFA dari CFA Institute dan Akauntan

Bertauliah (ACA) dari Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW).

Muhammad Fawwaz mempunyai pengalaman luas dalam pengurusan strategi pelaburan dengan pengkhususan dalam perancangan strategik, pembangunan organisasi, penstrukturkan transaksi, kewangan korporat, pengurusan projek, penilaian pelaburan serta pembangunan perniagaan.

Beliau juga pernah berkhidmat sebagai juruaudit di Deloitte United Kingdom sebelum menyertai PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia sebagai perunding korporat.

Sebelum menyertai TH, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar di UMW Group dan sebagai pengurusan tertinggi beberapa buah syarikat di Asia Barat.